



**PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 23/2021**

**PENGECUALIAN SYARAT PENYELIAAN PELAJAR PASCASISWAZAH BAGI KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK KE JAWATAN PROFESOR MADYA GRED DS54 DALAM SYARAT-SYARAT DAN TATACARA KENAIKAN PANGKAT STAF (STEPS) AKADEMIK**

1. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) Bilangan 5/2021 (Kali ke-47) pada 30 Mei 2021 telah meluluskan pengecualian syarat penyeliaan pelajar pascasiswazah bagi kenaikan pangkat staf akademik ke jawatan Profesor Madya Gred DS54 dalam Syarat-Syarat Dan Tatacara Kenaikan Pangkat Staf (STEPS) Akademik.
2. Pengecualian syarat wajib minimum penyeliaan adalah bertujuan;
  - a. memberi peluang kepada pensyarah kanan gred DS51/DS52 yang berhadapan dengan kekangan polisi semasa yang tidak membenarkan pensyarah kanan gred DS51/52 untuk menyelia pelajar Ph.D sebagai Penyelia Utama pada 2 tahun pertama selepas bergraduasi daripada program Ph.D; dan
  - b. membolehkan fakulti dan pensyarah membuat perancangan sewajarnya dalam aktiviti untuk meningkatkan bilangan pasca siswazah dan juga penglibatan pensyarah dalam penyeliaan pasca siswazah.
3. Terma Rujukan (ToR) pengecualian syarat penyeliaan pelajar pascasiswazah bagi kenaikan pangkat staf akademik ke jawatan Profesor Madya Gred DS54 dalam STEPS Akademik adalah seperti berikut:
  - a. Syarat wajib minimum penyeliaan pelajar pascasiswazah

<b>Sains dan Teknologi &amp; Sains Sosial</b>
<p>Satu (1) Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama; <b>ATAU</b></p> <p>Dua (2) Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Bersama; <b>ATAU</b></p> <p>Satu (1) Ph.D berdaftar sebagai Penyelia Utama/ Penyelia Bersama <b>DAN</b> dua (2) Msc bergraduat sebagai Penyelia Utama</p>

<b>Klinikal</b>
Satu (1) Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Utama; <b>ATAU</b>
Dua (2) Ph.D bergraduat sebagai Penyelia Bersama; <b>ATAU</b>
Satu (1) Ph.D berdaftar sebagai Penyelia Utama/ Penyelia Bersama <b>DAN</b> dua (2) Msc bergraduat/ dua (2) Pelatih Kepakaran sebagai Penyelia Utama

- b. Pengecualian syarat penyeliaan pelajar pascasiswazah ini adalah untuk tempoh dua (2) tahun bermula 01 Julai 2021 hingga 30 Jun 2023.
  - c. Syarat-syarat lain adalah terpakai sepertimana ketetapan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 31/2020 - Pindaan Syarat-Syarat Dan Tatacara Kenaikan Pangkat Staf (STEPS) Universiti Malaysia Kelantan.
4. Untuk rujukan, boleh merujuk kepada *Frequently Asked Questions (FAQs)* sepertimana pada **Lampiran A**.

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”**

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**MAZULA BINTI SABUDIN**

Pendaftar

15 JUN 2021

- |     |                                   |
|-----|-----------------------------------|
| s.k | - YBhg. Dato' Naib Canselor       |
|     | - Timbalan-Timbalan Naib Canselor |
|     | - Semua Dekan Fakulti             |
|     | - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab |

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQS)

PENGECUALIAN SYARAT PENYELIAAN PELAJAR PASCASISWAZAH BAGI KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK KE JAWATAN PROFESOR MADYA GRED DS54 DALAM SYARAT-SYARAT DAN TATACARA KENAIKAN PANGKAT STAF (STEPS) AKADEMIK

1. **Adakah pengecualian syarat wajib minimum penyeliaan pelajar pascasiswazah ini terpakai kepada semua gred?**

Tidak. Pengecualian syarat wajib minimum penyeliaan pascasiswazah hanya terpakai bagi kenaikan pangkat staf akademik ke jawatan Profesor Madya Gred DS54 sahaja.

2. **Kenapakah pengecualian syarat wajib minimum penyeliaan pelajar pascasiswazah diberikan kepada permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya gred DS54 sahaja?**

Pengecualian syarat ini diberikan untuk memberi peluang kepada pensyarah kanan gred DS51/DS52 yang berhadapan dengan kekangan polisi semasa yang tidak membenarkan pensyarah kanan gred DS51/52 untuk menyelia pelajar Ph.D sebagai Penyelia Utama pada 2 tahun pertama selepas bergraduasi daripada program Ph.D.

3. **Berapa lamakah tempoh pemakaian pengecualian syarat ini?**

Tempoh pengecualian syarat ini adalah selama dua (2) tahun iaitu bermula 01 Julai 2021 sehingga 30 Jun 2023.

4. **Sekiranya pencapaian saya tidak terjumlah dari mana-mana pilihan dalam syarat tersebut, adakah kesetaraan lain yang boleh dipertimbangkan untuk disetarakan. Contohnya: Dalam bidang Sains Sosial, saya mempunyai Satu (1) PhD berdaftar sebagai Penyelia Bersama dan satu (1) PhD sebagai Penyelia Bersama bergraduat dan satu (1) MSc sebagai Penyelia Utama bergraduat. Adakah saya melepas syarat minimum?**

Tidak. Syarat-syarat wajib yang telah ditetapkan adalah berdasarkan jadual di bawah sahaja:

Sains dan Teknologi & Sains Sosial
Satu (1) PhD bergraduat sebagai Penyelia Utama; <b>ATAU</b>
Dua (2) PhD bergraduat sebagai Penyelia Bersama; <b>ATAU</b>
Satu (1) PhD berdaftar sebagai Penyelia Utama/ Penyelia Bersama <b>DAN</b> dua (2) Msc bergraduat sebagai Penyelia Utama.
Klinikal
Satu (1) PhD bergraduat sebagai Penyelia Utama; <b>ATAU</b>
Dua (2) PhD bergraduat sebagai Penyelia Bersama; <b>ATAU</b>
Satu (1) PhD berdaftar sebagai Penyelia Utama/ Penyelia Bersama <b>DAN</b> dua (2) Msc bergraduat/ dua (2) Pelatih Kepakaran sebagai Penyelia Utama

**5. Bagaimanakah tatacara permohonan kenaikan pangkat bagi pengecualian syarat ini?**

Tatacara permohonan adalah seperti berikut:

- i. Permohonan boleh dibuat selepas Pejabat Pendaftar membuat hebahan takwim permohonan kenaikan pangkat staf akademik UMK kepada semua fakulti atau pusat untuk membolehkan staf akademik dan fakulti membuat perancangan.
  - ii. Pemohon mengemukakan permohonan kenaikan pangkat dengan menggunakan borang berikut:
    - a) Borang Permohonan Kenaikan Pangkat.
    - b) Curriculum Vitae
    - c) Dokumen-dokumen sokongan.
  - iii. Permohonan yang telah lengkap perlu disediakan dalam satu (1) salinan cetak (hardcopy) dan satu (1) salinan digital (softcopy).
  - iv. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan untuk sokongan. Ketua Jabatan hendaklah memastikan permohonan yang dimajukan kepada Pejabat Pendaftar adalah lengkap.
  - v. Permohonan yang tidak menggunakan borang atau format yang ditetapkan atau tidak lengkap akan dikembalikan.
  - vi. Permohonan yang disokong oleh Ketua Jabatan akan dinilai oleh JKPF.
  - vii. Permohonan yang diperaku oleh JKPF akan dimajukan kepada Pejabat Pendaftar untuk tindakan selanjutnya.
- 6. Saya telah mengemukakan permohonan kenaikan pangkat ke DS54 semasa Bilangan 1/2021 yang lalu, namun saya tidak diperaku kerana tidak memenuhi syarat wajib minimum penyeliaan yang ditetapkan. Berdasarkan pekeliling baharu ini (Pengecualian Syarat Minimum Penyeliaan Pelajar Pascasiwazah), saya telah memenuhi syarat wajib minimum yang ditetapkan. Adakah saya perlu membuat permohonan semula dan mengisi lampiran markah semula?**
- Ya. Permohonan perlu dikemukakan semula kepada Fakulti sepertimana proses yang ditetapkan.

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh menghubungi;

Puan Nor Atekah binti Ismail

Penolong Pendaftar

Seksyen Pengambilan dan Kemajuan Kerjaya

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (HRM)

Pejabat Pendaftar.

Telefon : 09-779 7763

E-mel : [atekah.i@umk.edu.my](mailto:atekah.i@umk.edu.my)